

Sebahagian sukarelawan bergambar kenangan selepas menayakan Ops Pascabanjir Pahang IPT Malaysia.

Warga universiti turun padang

» Sukarelawan jayakan Ops Pascabanjir Pahang IPT Malaysia bantu ringankan beban mangsa

BERITA HARIAN 27 JAN 2015 (PENDUDUKAN) M/S 15

Oleh Mohd Rafi Mamat
open@bh.com.my

Kuantan

Seramai 2,150 sukarelawan dari 19 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) bersama-sama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) berpadu tenaga melaksanakan misi bantuan pascabanjir di negeri ini.

Operasi itu meliputi 15 kawasan sekitar daerah ini, Temerloh, Maran, Pekan dan Jerantut dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) bertindak sebagai penyelaras program.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim, berkata misi itu yang memabatkan pelajar dan kakitangan universiti memfokus kepada aktiviti membersihkan kediaman dan sekolah yang ditenggelami banjir, baru-baru ini.

Sumbangan barang keperluan Beliau berkata, setiap IPT terbabit menumpukan kerja pembersihan selama dua hari di kawasan dite-

apkan oleh penyelaras, manakala sumbangan pelbagai barangan keperluan turut dikumpul untuk disampaikan kepada mangsa banjir. "Saya berpuas hati dengan semangat dan kesungguhan ditunjukkan sukarelawan. Mereka tampil dengan matlamat meringankan beban mangsa banjir yang berhadapan dengan pelbagai masalah," katanya pada majlis pelepasan sukarelawan Ops Pascabanjir Pahang IPT Malaysia, di sini.

Daing Mohd Nasir berkata, seramai 423 sukarelawan UMP turut menyertai misi itu dan menjalankan aktiviti pembersihan di Kampung Paya Pasir Chendor, Maran, serta Kampung Pulau Rusa dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Peramu Jaya di Pekan.

Terdahulu, beliau berkata, sukarelawan terbabit menjadi petugas di pusat pemindahan di daerah ini dan Pekan, selain membantu pengagihan makanan kepada mangsa banjir.

Dapat gambaran sebenar

Sementara itu, pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Exa-



Sukarelawan membawa bersama pelbagai peralatan untuk kerja pembersihan.



Sukarelawan mencuci peralatan sekolah yang terjejas banjir.

“**Saya berpuas hati dengan semangat dan kesungguhan ditunjukkan sukarelawan. Mereka tampil dengan matlamat meringankan beban mangsa banjir yang berhadapan dengan pelbagai masalah**”

Daing Mohd Nasir
Daing Ibrahim,
Naib Canselor UMP

gloria Robert, 22, berkata pengalaman sulung menyertai operasi pascabanjir memberi peluang kepadanya untuk mendapat gambaran sebenar kesukaran dihadapi oleh mangsa.

Beliau berkata, sukarelawan UPSI membersihkan kediaman penduduk di Kampung Cendor di sini, dan kerjasama diberikan oleh mangsa banjir berjaya melancarkan lagi operasi berkenaan.

"Saya sedih melihat keadaan rumah mangsa banjir kerana banyak harta benda mereka musnah dalam sekelip mata. Ada mangsa menangis berikutan menanggung kerugian besar yang tidak pernah mereka sangkakan selepas beberapa tahun tinggal di kawasan terbabit," katanya.



Daing Mohd Nasir (lima dari kanan) bersama-sama sukarelawan Ops Pascabanjir Pahang IPT Malaysia pada majlis pelepasan program itu.